



PENGHARGAAN ... Dr Ab Rhman menyampaikan cederahati kepada Mohd Nazri selaku tuan rumah persidangan.



JEMPUTAN ... Ketua-ketua jabatan yang hadir pada perasmian persidangan tersebut.

KPKT salur peruntukan RM252.8 juta kepada PBT untuk tempoh 2015

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabah-
times.com.my

LABUAN: Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM252,869,000 juta untuk tempoh tahun 2015 kepada seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Rahman Dahlan berkata, peruntukan tersebut adalah untuk membantu pihak PBT dalam melaksanakan program pembangunan dan aktiviti kebersihan bagi mewujudkan persekitaran yang baik disetiap kawasan PBT.

"Selain itu KPKT juga menyalurkan peruntukan sebanyak RM7 juta di bawah RMK 10 bagi membantu PBT menjalankan aktiviti-aktiviti kebersihan dan kesihatan persekitaran," katanya ketika

merasmikan Persidangan Kesihatan Persekitaran Pihak Berkuasa Tempatan sempena Hari Kesihatan Sedunia peringkat kebangsaan yang diadakan di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan di sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh wakilnya, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Dr Ab Rahman Awang.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dato' Mohd Nazri Osman, Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal) Jabatan Kerajaan Tempatan, Ir Zainal Abidin Saidun dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Siti Maznah Awang Damit.

Sementara itu katanya, KPKT juga telah menubuhkan Communication for Behavioural Impact (COMBI-LA21) dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang antara lain bertujuan untuk berganding bahu dengan Pejabat Ke-

sihatan negeri atau daerah untuk memerangi wabak denggi yang terus menjadi acaman kepada masyarakat.

Persidangan selama dua hari dengan bertemakan 'Kanak-Kanak Adalah Masa Harapan Kita' telah dihadiri 300 orang peserta yang terdiri pelbagai disiplin berkaitan kesihatan persekitaran mem-babitkan pegawai teknikal dari 154 PBT seluruh Malaysia dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta beberapa agensi kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Sebanyak 10 kertas kerja akan dibentangkan dalam empat sesi yang merangkumi Sanitasi Bandar, Kesihatan Awam, Kawalan penyakit dan Vektor serta Pengurusan Kesihatan Persekitaran.



PAMERAN ... Ab Rahman bersama Mohd Nazri ketika melawat pameran sempena persidangan tersebut.